

Dari Penulis ke Penerbit: Legasi dan Sumbangan Raja Azmi dalam Seni dan Hiburan.

Nadiatul Nasriah Zubaidi¹, Nurul Atikah Abd Rohim², Nurulannisa Abdullah^{3*}, dan Siti Aishah Mokhtar⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; zubaidinadiatul@gmail.com;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; nurulatikah.rohim@gmail.com;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama seorang tokoh serba boleh iaitu Raja Azmi binti Raja Sulaiman. Beliau merupakan seorang pelakon, penulis, pengarah dan penerbit televisyen dan filem Malaysia. Beliau berasal dari Kuala Kangsar, Perak dan dilahirkan pada 27 Jun 1959. Tujuan temubual adalah untuk mengetahui tentang perkembangan beliau dalam dunia hiburan yang hampir 39 tahun berada di dalam industri seni tanah air. Temubual tersebut telah dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Meet pada 18 Jun 2022. Temubual tersebut telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang mempunyai banyak pengalaman dalam dunia hiburan ini. Seterusnya, temubual ini juga telah memfokuskan kepada kehidupan peribadi serta penglibatan beliau berkaitan industri seni di Malaysia. Raja Azmi binti Raja Sulaiman juga ialah seorang yang dikenali dengan animasi 'Anak-Anak Sidek' pada hujung 90-an. Selain itu, beliau juga berlakon dalam beberapa drama antaranya 'Dia Menantu Rahasia', 'Satukan Rasa' dan 'Aku Pilih Bahagia'. Beliau juga turut mengarah filem 'Enjin No.9' dan menerbitkan salah satu filem yang menimbulkan sensasi iaitu '...Dalam Botol' serta 'Volkswagen Kuning'.

Kata kunci: Raja Azmi, Penerbit, Anak-Anak Sidek, Pelakon, Filem, Drama

DOI: 10.64382/mdr6tv59



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Industri seni hiburan merupakan satu bidang yang berkembang dengan pesatnya di seluruh pelusuk dunia, begitu juga Malaysia. Industri seni hiburan ini tidak asing dengan bidang yang meluas dan berkait rapat dengan industri perfileman. Bidang ini mempunyai skop yang sinonim dengan karier sebagai penyanyi, pelakon, pengarah dan penerbit filem. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri hiburan iaitu Raja Azmi binti Raja Sulaiman yang merupakan seorang pelakon.

Tokoh ini dikenali sebagai seorang penulis, pengarah dan penerbit televisyen dan filem Malaysia. Penyelidikan terhadap Raja Azmi binti Raja Sulaiman adalah untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang pengalaman beliau dalam bidang seni hiburan tanah air seawal tahun 1993 sehingga kini. Beliau banyak terlibat secara langsung dan juga di belakang tabir sepanjang terlibat dengan industri seni ini. Penglibatan beliau dapat dilihat sepanjang kajian temubual berlangsung

walaupun ada sesetengah rakyat Malaysia tidak mengenali tokoh veteran yang hampir empat dekad bergiat aktif.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Isu yang dapat dilihat dalam penyelidikan ini ialah penerimaan terhadap penerbitan dan perfileman Malaysia yang semakin terhakis kerana kewujudan filem dan drama dari luar negara seperti Indonesia yang dianggap berkualiti dan bersifat terbuka. Hal ini demikian, kurangnya penghargaan terhadap kesenian lakonan dan penerbitan di Malaysia. Selain itu, kehadiran filem dan drama dari Korea telah mencipta fenomena seluruh dunia termasuk Malaysia. Hal ini kerana Korea menggabungkan secara kreatif nilai barat dan Asia demi menghasilkan satu corak budaya Korea yang menjadi model budaya dan ekonomi terkemuka untuk diikuti dan diminati. Antara filem Korea yang mencipta sensasi di seluruh negara termasuk Malaysia ialah 'Parasite' dan 'Train To Busan'. Kedua-dua filem ini mempamerkan genre filem yang berbeza dengan filem Malaysia. Ini telah mendorong generasi muda alpa akan kewujudan drama dan filem dari negara sendiri. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui pengalaman dan harapan Raja Azmi Binti Raja Sulaiman terhadap bidang industri hiburan Malaysia kepada generasi muda masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menfokuskan kepada tiga objektif utama sebagaimana yang berikut:

1. Untuk mengenali tokoh secara lebih dekat yang merupakan seorang individu yang aktif sebagai penulis, pengarah, penerbit serta pelakon.
2. Untuk mendalami pengalaman dan cabaran tokoh dalam kerjaya beliau sebagai anak seni Malaysia dalam penerbitan filem.
3. Untuk mengetahui sumbangan dan pengorbanan tokoh dalam industri seni hiburan Malaysia.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah berasaskan kepada objektif kajian yang telah digariskan. Berikut adalah persoalan kajian:

4. Bagaimanakah cara untuk mengenali tokoh secara lebih dekat yang merupakan seorang individu aktif sebagai penulis, pengarah, penerbit serta pelakon?
5. Apakah pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh tokoh dalam kerjaya beliau sebagai anak seni Malaysia dalam penerbitan filem?
6. Apakah sumbangan dan pengorbanan tokoh dalam industri seni hiburan Malaysia?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan daripada kajian ini yang jelas memberi impak adalah pembaca akan mengetahui bagaimana seorang individu yang mempunyai pelbagai bakat dalam satu bidang yang amat besar yang memerlukan komitmen yang tinggi. Pembaca akan memperoleh pelbagai maklumat dan pengetahuan terutama pengalaman seorang tokoh veteran untuk menjadi seorang

penulis, penerbit dan pelakon yang mempunyai pengalaman manis dan pahit untuk menuju kejayaan. Secara umumnya, kajian ini memberi impak yang positif kepada semua pihak secara langsung.

Pertama sekali, impak kajian ini memberi impak yang positif kepada masyarakat. Hal ini kerana, melalui kajian temubual ini, mereka diberi pendedahan dan melihat daripada pelbagai sudut bagaimana seorang individu yang mampu menjadi seorang penerbit dan pelakon waktu yang sama mengamalkan profesionalisme dalam bidang ini. Dengan itu juga, masyarakat dapat mendalami dan melihat perbezaan pandangan menjadi seorang penulis, penerbit dan pelakon dari segi kenangan, cabaran, sumbangan dan harapan melalui pembacaan kajian ini. Masyarakat juga mendapat maklumat yang berguna dan informasi tentang cabaran menghasilkan sebuah filem yang berkualiti dan tidak mudah untuk melakukannya tanpa hasil usaha sendiri.

Di samping itu, hasil kajian ini telah memberi kesan kepada industri seni hiburan tanah air. Ini dapat disaksikan apabila tokoh veteran ini menceritakan bagaimana kesusahan krew-krew produksi tidak kira filem atau drama yang tertindas dan hanya bergantung kepada kewangan daripada produksi sahaja. Rezeki mereka hanya bergantung kepada bayaran yang mendahului peneraju utama sebuah karya serta perbelanjaan sepanjang penggambaran itu dijalankan. Ketika itu juga beliau sendiri tidak mengambil keuntungan yang banyak kerana memikirkan kesusahan pekerja-pekerjanya. Kajian ini menunjukkan bahawa bukan pelakon yang ditindas malahan krew penggambaran juga mengalami nasib yang sama.

Kajian ini turut memberi impak positif kepada negara. Sepanjang temubual ini dilakukan, Puan Raja Azmi yang dikenali dengan profesionnya sebagai penerbit, menyatakan bahawa setiap filem-filem penerbitannya menerima pelbagai reaksi dan memberi kesan kepada negara. Melalui kajian ini, negara mempunyai sebuah siri animasi sukan badminton iaitu 'Anak-Anak Sidek' yang mencipta sensasi dan merupakan khazanah negara sehingga sekarang. Dengan penerbitan siri animasi ini, ia merupakan kebanggaan negara yang akan terus disaksikan dan ditonton oleh setiap generasi serta dijadikan rujukan pada masa hadapan tentang kesukanan negara. Di dalam kajian ini, beliau menyatakan serba sedikit tentang Haji Sidek yang merupakan bapa badminton negara yang melahirkan atlet badminton negara dan menyokong tindakan Haji Sidek yang mendorong anak-anaknya minat bersukan dan bukan akademik. Ini menunjukkan bahawa berdasarkan kajian ini, penghasilan sebuah filem mampu memberi impak yang nyata kepada negara dan kesukanan negara.

6. TINJAUAN LITERATUR

Pada masa kini, industri hiburan telah disebarkan melalui sosial media yang menggunakan gajet seperti telefon pintar dan computer. Bidang industri seni hiburan di televisyen serta filem juga penting di sesebuah negara bagi menghargai hasil-hasil karya seorang pengarah, pelakon, penerbit dan penulis yang telah terlibat dalam industri tersebut. Industri perfileman di Malaysia juga semakin maju dengan kemunculan pelbagai filem Melayu yang telah diterbitkan pada masa kini. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu industri perfileman di Malaysia untuk membangunkan industri filem yang berdaya saing supaya dapat menempuhi cabaran industri perfileman kini. Hal ini juga dapat menyebarkan budaya-budaya di Malaysia dengan menyelitkan sedikit unsur budaya di dalam industri televisyen dan filem. Lim dan Har (2007) telah menjelaskan hasil dan sambutan terhadap filem tempatan di banyak negara tidak sama dengan sambutan yang diterima baik oleh filem Hollywood.

Selain itu, jika mengimbas kembali masa, dari era keemasan industri perfileman Malaysia pada tahun 1950-an hingga situasi semasa kini, adalah munasabah untuk mengatakan bahawa pasaran filem yang kecil dan berpecah-belah ini memberi cabaran kepada kerajaan untuk mempromosikan sebagai sebahagian daripada industri kreatif dengan ekonomi. (Jamaluddin, Hasrul & Faridah, 2014). Proses dalam mempromosikan filem tempatan ini dapat membolehkan budaya lebih dikenali oleh masyarakat yang lebih muda pada masa kini (Agger, 2008). Siregar (2009) ada mengatakan bahawa terdapat beberapa pendapat tentang media televisyen yang menurut mereka industri hiburan televisyen dan filem diletakkan dalam kedudukan istimewa dalam masyarakat berdasarkan akses mereka kepada penerbitan televisyen.

Di samping itu, stesen televisyen juga telah berubah dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, ia sentiasa berkait dengan anak-anak muda sehingga kini (Dolle, 2007). Seterusnya, terdapat juga kegiatan ekonomi yang akan membentuk industri hiburan untuk membantu pembangunan sosial. Jumlah media di televisyen pada masa kini juga telah memberi peluang kepada penonton yang mempunyai minat dalam bidang media supaya dapat menyalurkan bakat mereka dalam industri seni hiburan. Selain daripada itu, sesuatu rancangan di televisyen dapat dikira berkesan atau berjaya kerana dapat dibuktikan dengan rating tinggi yang telah diperolehi oleh rancangan tersebut. Oleh itu, semua pihak haruslah tidak memandang remeh terhadap industri seni hiburan kerana ia juga dapat memberi manfaat dan industri ini juga mestilah dihargai oleh semua masyarakat.

Tokoh veteran bernama Raja Azmi binti Raja Sulaiman telah banyak menerbitkan filem yang pada masanya mencetuskan sensasi. Sesebuah filem yang diterbitkan lazimnya memaparkan isu serta identiti sesebuah negara. Oleh itu, filem yang dihasilkan seharusnya tidak menimbulkan kontroversi yang boleh menjejaskan imej negara tersebut. Tidak seperti kebanyakan filem terdahulu, dokumentasi mengenai filem Malaysia, khususnya berkaitan dengan pembentukan industrinya, masih agak terbatas. Justeru, menjadi seorang pelakon, pengarah, penerbit serta penulis seperti Raja Azmi bukanlah sesuatu yang mudah kerana beliau perlu menerima dengan positif segala reaksi penonton terhadap setiap karya yang dihasilkan. Pencarian filem berkualiti tinggi merupakan masalah global yang turut dihadapi oleh industri filem besar seperti Hollywood, Bollywood dan Hong Kong. Masalah ini juga wujud di Malaysia, yang mungkin berpunca daripada kelemahan budaya membaca serta sikap masyarakat tempatan (Lee, 2019).

Sumbangan besar Raja Azmi binti Raja Sulaiman dalam industri seni hiburan Malaysia dapat dilihat melalui kewujudan animasi 'Anak-Anak Sidek' yang begitu popular pada penghujung era 90-an. Animasi tersebut juga telah menyebabkan sukan badminton digemari ramai. Hal ini dapat meningkatkan minat semangat kesukanan di kalangan anak muda melalui animasi 'Anak-Anak Sidek' tersebut pada ketika itu. Seperti yang diujahkan oleh Turner (2006), filem dan budaya berurusan dengan pendekatan kontekstual, budaya, politik, institusi, industri sering mempengaruhi industri perfileman negara. Sebaliknya, peranan industri perfileman yang masih bergiat aktif sekarang dalam menyebarkan wacana tertentu secara serentak harus diambil kira untuk memahami kerumitan hubungan antara filem dan ideologi serta penciptaan makna dalam masyarakat (Juliana & Mahyuddin, 2009).

7. METODOLOGI

Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik dimana penyelidikan moden bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahkan seseorang (Seow Han Lin, 2020). Selain itu, menurut Fifie Safina Osman (2016) sejarah lisan juga merupakan satu kaedah pengumpulan

fakta-fakta sejarah yang masih belum dikaji dan dirakam semula. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang boleh didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temubual dan direkodkan oleh penyelidik. Sepanjang proses sejarah lisan dilakukan, penyelidik hendaklah membuat rakaman sepanjang temubual dilakukan agar mendapat maklumat yang jelas melalui audio dan video. Oleh itu, kajian ini memerlukan penyelidik menemu ramah seorang tokoh yang bertemakan Seniman Veteran dan Seni Warisan. Terdapat beberapa kriteria yang perlu diikuti pelajar, antaranya ialah berumur 45 tahun ke atas dan merupakan artis veteran.

Tokoh yang dipilih untuk kajian ini adalah Puan Raja Azmi Binti Raja Sulaiman. Penyelidik menghubungi pembantu peribadi Puan Raja Azmi melalui aplikasi Whatsapp. Butiran nombor telefon tersebut diperoleh di sosial media, Instagram milik Puan Raja Azmi. Tokoh ini dipilih kerana beliau mempunyai pengalaman yang meluas dalam bidang seni hiburan negara dan telah terlibat selama 39 tahun. Animasi sukan badminton penerbitan miliknya iaitu 'Anak-Anak Sidek' telah mencipta nama dan mendapat perhatian dari rakyat Malaysia. Justeru itu, penyelidik memilih beliau untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengalaman beliau menjadi seorang yang serba boleh.

Tokoh veteran ini merupakan seorang penulis, pengarah, penerbit serta pelakon yang masih bergiat aktif dalam industri seni hiburan negara sehingga kini. Puan Raja Azmi dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak dan merupakan anak tunggal perempuan dalam keluarganya. Filem penerbitannya juga dikenali oleh rata-rata masyarakat antaranya ialah 'Black Widow Wajah Ayu' dan 'Cinta 200 Ela'. Dalam pengumpulan data kajian, penyelidik menghasilkan soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang dan pengalaman hidup Puan Raja Azmi dalam bidang industri seni negara selepas mendapatkan persetujuan temu ramah. Penyelidik juga melakukan pembacaan di internet dan merupakan salah satu prosedur untuk mendapatkan maklumat tambahan melalui analisis dokumen. Antara dokumen yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah rujukan dan pembacaan akhbar secara atas talian serta laman web yang dikaji oleh pengkaji lain berkaitan dengan Raja Azmi.

Untuk memperoleh maklumat dengan lebih mendalam, penyelidik melakukan temubual bersama tokoh berdasarkan soalan yang dihasilkan dan memperoleh maklumat yang diinginkan. Seperti yang dipersetujui, temubual ini dijalankan pada 18 Jun 2022 bermula pada 4 petang sehingga 6 petang. Tarikh tersebut merupakan hari kelapangan tokoh tersebut dan merupakan hari Sabtu. Sepanjang hampir dua jam temubual berlangsung, Puan Raja Azmi berjaya menjawab hampir semua soalan yang disediakan. Platform yang digunakan sepanjang temubual ialah Google Meet. Tokoh juga telah memberi kerjasama yang baik sepanjang temubual berlangsung. Penyelidik turut merakam temubual agar mendapat audio dan video yang membantu dalam proses penyediaan transkrip. Penyelidik merakam menggunakan dua buah komputer riba untuk mendapatkan rakaman lebih sekiranya salah satu laptop mempunyai masalah teknikal.

8. HASIL KAJIAN

Latar Belakang.

Puan Raja Azmi Binti Raja Sulaiman dilahirkan pada 27 Jun 1959 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau lebih dikenali sebagai Kak Mi mahupun Aunty Mi merupakan seorang yang serba kerana mempunyai pelbagai kerjaya dalam bidang seni hiburan. Antaranya ialah penulis, pengarah, penerbit dan pelakon. Tokoh ini juga merupakan anak kedua dan anak perempuan tunggal dalam keluarga.

Puan Raja Azmi menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kamunting di Taiping, Perak. Beliau menaiki trak askar ke sekolah bersama-sama rakannya dan sebelum pulang, mereka menjamu sengkuang calit dan ais kepal. Rutin itu berlarutan sehingga sekolah menengah. Alam persekolahan beliau berakhir di Sekolah Menengah Treacher Methodist Girls School dengan

beliau aktif dalam bidang pementasan serta penulisan cerpen. Tokoh veteran ini juga melanjutkan pelajaran di Christchurch College di New Zealand setelah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang cahaya mata. Sebaik sahaja pulang ke tanah air, beliau memulakan perniagaan dengan menerbitkan filem serta penghasilan novel yang merupakan hobinya



Gambar 1: Puan Raja Azmi Binti Raja Sulaiman




Gambar 2: Sekolah Menengah Treacher Methodist Girls School, Taiping, Perak.

Kerjaya Awal.

Pramugari merupakan kerjaya awal Puan Raja Azmi selepas tamat persekolahan. Dengan menggunakan Malaysian Certificate of Education (MCE) atau sekarang dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau telah berkhidmat selama lima tahun berkhidmat bersama Malaysia Airlines. Menurutnya, beliau berkenalan dengan suami pertamanya semasa menjadi pramugari. Pelbagai orang yang dia temui sepanjang berada diatas kapal terbang, antaranya ialah orang-orang yang terkenal, ahli-ahli sukan yang ternama serta selebriti seperti Aman Shah, penyanyi terkenal.

'Black Widow' merupakan buku penulisan pertama beliau yang diterbitkan pada tahun 1993 setelah pulang ke tanah air. Semasa berada di New Zealand, Puan Raja Azmi mendapat ilham dalam penulisan novel pertamanya. Menulis juga merupakan hobi yang amat beliau gemari. Disebabkan beliau merupakan isteri pemain badminton negara ketika itu, beliau dengan mudahnya menerbitkan buku tersebut dibawah penerbitan Creative Enterprise. Sebagai seorang penulis, Puan Raja Azmi mengidolakan hampir semua penulis novel, kerana kemampuan mereka untuk menghasilkan senaskhah buku dan dianggap sebagai insan yang sangat istimewa yang terpilih kerana bukan sebarang orang boleh menyiapkan sebuah novel. Puan Rja Azmi juga lebih gemar penulisan berbentuk kreatif berbanding deskriptif. Hal ini kerana, penulisan deskriptif berdasarkan fakta dan beliau tidak mengemarinya.



Gambar 4: Buku penulisan pertama tokoh iaitu 'Black Widow'.



Gambar 5 : Poster salah satu filem penerbitan milik Puan Raja Azmi.

Sebagai penerbit filem.

Puan Raja Azmi lebih selesa digelar sebagai penerbit dan pelakon berbanding pengarah walaupun beliau memulakan kerjaya sebagai seorang penerbit. Nama produksi beliau ialah Akid Production. Antara filem penerbitan miliknya ialah 'Black Widow' arahan U-Wei Haji Saari, filem 'Cinta 200 Ela', filem 'Haru Biru' dan '... Dalam Botol'. Kebanyakan filem penerbitan milik produksinya, skrip dihasilkan oleh Puan Raja Azmi sendiri. Beliau teringin filem-filem pecah panggung kerana belum pernah merasa lagi perasaan filem miliknya pecah panggung. Filem 'Black Widow Wajah Ayu' adaptasi novel penulisannya, tidak mendapat sambutan sepertimana novel itu diterbitkan dan mencipta sejarah. Perasaannya sebagai penerbit buat kali pertama ialah bersyukur dan gembira kerana Puan Raja Azmi mendapat tumpuan dan suka menjadi popular. Manakala bila disoal berkenaan cabaran dalam menerbitkan filem, beliau mengatakan tidak banyak cabaran yang sukar tetapi yang jelas bermain diingatannya ialah pemilihan watak untuk meneraju filem-filem beliau. Menurut beliau, dengan kehadiran teknologi yang baru, jangka masa yang diambil untuk penggambaran sebuah filem adalah dua puluh satu hari hingga dua puluh dua hari.

Beliau juga mempromosi filem terbarunya yang bakal ditayangkan di pawangan pada bulan Ogos iaitu 'Jerangkung Dalam Almari' dan sekiranya filem ini mendapat sambutan, Puan Raja Azmi ingin menerbitkan filem tentang Haji Sidek, bapa badminton negara.

Sebagai pelakon

Beliau mula berlakon pada lewat usia iaitu lima tujuh tahun. Orang yang memberi tokoh veteran ini peluang untuk berlakon ialah Mohd Noor Kadir. Ketika itu beliau berlakon watak sampingan Sahaja. Manakala Anuar Sobri dan Kartina Aziz merupakan individu yang mencurahkan bantuan untuk mengajar Puan Raja Azmi berlakon. Arwah ibu beliau dan suami beliau ternyata menyokong penglibatan beliau dalam bidang lakonan. Beliau mengidolakan Almarhum Saadiah dalam bidang lakonan. Drama pertama lakonannya ialah 'Sha dan Shah'. Ketika ditemubual, Puan Raja Azmi teringin untuk memegang watak sebagai permaisuri serta peranan keluarga diraja kerana kebanyakan watak yang telah dipegang olehnya sudah sebatang dengan kehidupannya.

Anak-Anak Sidek

Karya penerbitan Puan Raja Azmi turut memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Salah satu penerbitan beliau yang dapat dianggap penyumbang dan mencipta fenomena kepada negara ialah siri animasi 'Anak-Anak Sidek'. Bagi beliau, siri animasi tersebut memberi impak yang berkesan kerana mengetengahkan sukan badminton negara dan hubungan kekeluargaan dimana Haji Sidek menyokong keputusan anak-anaknya untuk bermain badminton dan tidak hanya kepada akademik. Ini telah memberi satu motivasi kepada generasi.

'Anak-Anak Sidek' merupakan satu khazanah negara dan mencipta sejarah dimana penerbitan itu akan terus disaksikan dan ditonton dan dijadikan sebagai rujukan untuk generasi masa akan datang mengenai kesukanan negara. Ini membuktikan salah satu karya Puan Raja Azmi mampu mencipta sensasi walaupun terpaksa menghentikan tayangan di televisyen. Beliau juga menyatakan empatinya kepada krew-krew penggambaran yang sebenarnya golongan yang ditindas dan perlu diberikan perhatian. Hal ini kerana mereka menerima bayaran setelah pihak produksi menolak wang perbelanjaan serta bayaran kepada artis terlebih dahulu. Pihak beliau hanya mengambil sedikit keuntungan sahaja dan membelanjakan wang diterimanya untuk diberikan kepada krew yang bekerja keras sepanjang penggambaran berlangsung.

Anugerah dan Harapan

Harapan Puan Raja Azmi yang masih belum tercapai sebagai anak seni ialah memenangi anugerah di luar negara seperti Cannes Festival. Beliau berharap filem miliknya yang bakal ditayangkan 'Jerangkung Dalam Almari' mendapat sambutan yang positif dan pecah panggung. Selain itu, harapan beliau buat peminatnya adalah untuk terus mendoakan agar filemnya berjaya sekaligus dapat menghasilkan drama berkisarkan 'Haji Sidek' iaitu bapa mertuanya.

Namun begitu, hasil kajian daripada tinjauan literatur mendapat industri sambutan filem tempatan tidak mendapat sambutan baik dan positif seperti filem Hollywood yang senantiasa mendapat perhatian dan ditunggu-tunggu tidak kira genre apa sekalipun. Keadaan ini jelas dapat dilihat pada tahun 1950-an merupakan era keemasan industri perfileman Malaysia, pasaran kecil filem mampu memberi cabaran kepada negara untuk mempromosikan sebuah karya. Siregar (2009) ada mengatakan bahawa terdapat beberapa pendapat tentang media televisyen yang menurut mereka industri hiburan televisyen dan filem diletakkan dalam kedudukan istimewa dalam masyarakat berdasarkan akses mereka kepada penerbitan televisyen.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, sumbangan utama kajian ini adalah memberi pengetahuan dan kesedaran kepada rakyat Malaysia yang meminati atau menyokong industri seni hiburan Malaysia tanpa mengira bangsa dan peringkat umur. Ini dapat dilihat melalui sesebuah penghasilan dan penerbitan filem drama yang terlibat secara langsung atau secara belakang tabir. Generasi kini dapat merasa dan mengetahui bidang industri seni hiburan melalui temubual yang dijalankan bersama tokoh veteran, seorang yang profesional dan bekerja sebagai penulis, pengarah, penerbit serta pelakon.

Rakyat Malaysia perlu mengetahui genre filem yang diterbitkan sebenarnya memberi impak kepada negara secara langsung di mana ia menyumbang di dalam budaya dan kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat melalui kajian temubual ini dimana pengalaman hidup bersama Haji Sidek membantu dalam penghasilan sebuah siri animasi 'Anak-Anak Sidek' yang menceritakan seorang ayah mendidik dan melahirkan anak-anak yang mewakili Malaysia, antaranya Misbun Sidek dan Rashid Sidek. Ini membuktikan bahawa bukan hanya pendidikan penting, tetapi juga minat terhadap kesukanan juga boleh dipupuk dalam hubungan kekeluargaan. Menerusi siri animasi ini, rakyat Malaysia dapat melihat perkara dan memahami perjalanan siri itu ditayangkan di stesen televisyen. Stesen televisyen juga memainkan peranan dalam menjayakan drama dan filem mengikut peredaran masa.

Pada era sekarang, tanpa rating yang tinggi, sebuah karya dianggap tidak berjaya meraih perhatian sekaligus menjadikan media massa sebagai platform untuk mempromosi. Justeru itu, semua pihak haruslah memainkan peranan dalam menyokong industri seni hiburan kerana ia juga dapat memberi manfaat dan industri ini juga mestilah dihargai oleh semua masyarakat.

Kesimpulannya, kajian ini mengetengahkan perjalanan dan sumbangan Puan Raja Azmi binti Raja Sulaiman sebagai seorang tokoh serba boleh dalam industri hiburan Malaysia. Beliau bukan sahaja berperanan sebagai penulis, pengarah, penerbit dan pelakon, bahkan turut menghasilkan karya-karya yang memberi impak besar seperti '...Dalam Boto!', 'Cinta 200 Ela' serta animasi 'Anak-Anak Sidek' yang mencetus fenomena pada era 1990-an. Kebanyakan karya beliau digarap berdasarkan pengalaman peribadi, di samping keterlibatan aktif dalam penulisan skrip yang menjadi teras kepada penghasilan filem-filemnya. Minat mendalam terhadap bidang penulisan dan keusahawanan turut mendorong beliau menubuhkan syarikat produksi sendiri bagi memastikan lahirnya karya yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga sarat dengan mesej bermakna serta mampu memberikan nilai didaktik kepada khalayak penonton pelbagai lapisan masyarakat.

RUJUKAN

- Agger Ben. (2008). *Teori Sosial Kritis: Kritik, Penerapan dan Implikasinya*. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
<https://adoc.pub/agger-ben-teori-sosial-kritis-kritikpenerapan-dan-implikasin.html>
- Aziz, J., Hashim, H., & Ibrahim, F. (2014). MALAYSIAN FILM INDUSTRY IN TRANSFORMATION: CHALLENGES AND POTENTIAL. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30(1), 35–49.
<https://doi.org/10.17576/jkmjc-2014-3001-03>
- Fifie Safina Osman. (2016, June 27). *sejarah lisan*. Academia.edu.
https://www.academia.edu/26533506/sejarah_lisan
- Juliana Abdul Wahab and Mahyuddin Ahmad (2009). Filem box office dan ideologi: Satu kajian terhadap filem-filem terpilih di Malaysia (Box Office Films and Ideology: A Case Study of Selected Films in Malaysia). *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. 8,43-68.
http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/JOURNAL_8%20PDF/2juliana.pdf
- Lee, R. (2019, November 30). Big bad book habit of Malaysians. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2012/12/14/big-bad-book-habit-of-malaysians>

Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2008). *Globalisasi: Media dan budaya: antara hegemoni Barat dengan kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka(pp.294-320).<https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/25/17>

Online Finding Aids - Kandungan Bahan. (2022). Arkib.gov.my
<https://ofa.arkib.gov.my/ofa/collection/asset/1183838>

Seow Han Lin. (2020, July 14). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ? ResearchGate; unknown.
https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah

Siregar Ashadi. (2009). Kedudukan Teori Media Dalam Kajian Budaya. Jogjakarta: Pascasarjana UGM.
<https://adoc.pub/iii-kedudukan-teori-media-dalam-kajian-budaya-2.html>

Turner, G. (2006). *Film as social practice IV*. New York: Routledge.<https://www.routledge.com/Film-as-Social-Practice/Turner/p/book/9780415375146>